PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
[OFFICE OF THE DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF HEALTH (PUBLIC HEALTH)
DEPARTMENT OF PUBLIC HEALTH
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA]
ARAS 12, BLOK E7, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA, MALAYSIA.

No. Tel : *03-8883 2544*
No. Fax : *03-8889 5601*

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/142 (8)
Tarikh : 21 Julai 2016

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

EDARAN GARIS PANDUAN PENCEGAHAN PENYAKIT ZIKA UNTUK AHLI KONTINJEN MALAYSIA YANG MENYERTAI ACARA SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK, RIO 2016 DI BRAZIL

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, bersama ini disertakan Garis Panduan Pencegahan Penyakit Zika Untuk Ahli Kontinjen Malaysia Yang Menyertai Acara Sukan Olimpik Dan Paralimpik, Rio 2016 Di Brazil. Garis panduan ini telah dibincang dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Zika Kebangsaan serta Bahagian Perubatan Sukan, Institut Sukan Negara.

3. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK DR. LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Kesihatan

Lampiran 1

SENARAI EDARAN

A. PEGAWAI DARI KEMENTERIAN DAN AGENSI LUAR

1. Ketua Pegawai Eksekutif
   Institut Sukan Negara

2. Pengarah Perubatan ISN
   Institut Sukan Negara

B. PEGAWAI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Pengarah
   Bahagian Kawalan Penyakit

2. Pengarah
   Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

3. Pengarah
   Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)

4. Pengarah
   Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Sungai Buloh

5. Pengarah
   Bahagian Pendidikan Kesihatan

6. Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan), KKM

7. Ketua Sektor
   Sektor Penyakit Bawaan Vektor

8. Pegawai Kesihatan KLIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENCEGAHAN PENYAKIT ZIKA UNTUK AHLI KONTINJEN MALAYSIA YANG MENYERTAI ACARA SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK, RIO 2016 DI BRAZIL

BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JULAI 2016

SENARAI JAWATANKUASA TEKNIKAL
GARIS PANDUAN PENCEGAHAN PENYAKIT ZIKA UNTUK AHLI KONTINJEN MALAYSIA YANG MENYERTAI ACARA SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK, RIO 2016 DI BRAZIL

Penaung

Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penasihat

Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengerusi

Dr. Chong Chee Kheong
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

AHLI JAWATANKUASA:

SEKTOR PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

Dr. Rose Nani binti Mudin
Dr. Zailiza binti Suli
Dr. Izwan Effendy bin Zainudin
Dr. Syed Sharizman bin Syed Abdul Rahim
En. Topek bin Omar
Pn. Safnatul Salisa binti Ismail
En. Zuraime bin Mohd. Daud
En. Mohd. Ruhaime bin Ilias

JAWATANKUASA KEBANGSAAN PAKAR PENYAKIT ZIKA

Garis panduan ini telah disemak dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Kebangsaan Pakar Penyakit Zika pada 27 Jun 2016.

GARIS PANDUAN PENCEGAHAN PENYAKIT ZIKA UNTUK AHLI KONTINJEN MALAYSIA YANG MENYERTAI ACARA SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK, RIO 2016 DI BRAZIL

I. PENGENALAN

Penyakit Zika adalah disebabkan oleh sejenis virus. Ia boleh menjangkiti manusia melalui gigitan nyamuk Aedes yang juga merupakan pembawa virus denggi. Selain itu, penyakit Zika juga dapat menjangkiti individu lain melalui hubungan seksual dan daripada ibu kepada bayi semasa bayi dalam kandungan.

Hanya 20% individu yang dijangkiti virus Zika akan mempunyai gejala-gejala dan kebanyakannya tiada menunjukkan gejala. Antara gejala-gejala penyakit ini adalah demam, ruam, sakit sendi dan otot, sakit kepala, kelesuan dan konjunktivitis. Sehingga sekarang, tiada vaksin atau rawatan khusus untuk penyakit Zika.

Penyakit Zika jarang menyebabkan kematian. Namun begitu jangkitan Zika dikaitkan dengan komplikasi seperti *microcephaly* dan *Guillain-Barre Syndrome* (GBS) yang boleh memberi kesan sepanjang kehidupan pesakit. *Microcephaly* merupakan keadaan di mana bayi yang dilahirkan mempunyai kepala yang kecil. Manakala GBS adalah apabila sistem pertahanan badan menyerang sistem saraf. Sindrom ini boleh memberi kesan kepada saraf yang mengawal pergerakan otot dan juga saraf yang membawa rasa sakit, suhu dan sentuhan. Ini boleh menyebabkan otot lemah atau lumpuh dan hilang deria pada anggota. Sebanyak 3% hingga 5% pesakit GBS mati kerana komplikasi seperti kelumpuhan otot pernafasan.

II. LATAR BELAKANG DAN SITUASI TERKINI JANGKITAN ZIKA

Secara global, situasi terkini jangkitan virus Zika yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 7 Julai 2016 iaitu untuk tempoh dari 1 Januari 2007 sehingga 6 Julai 2016, menunjukkan sebanyak 65 buah negara telah melaporkan penularan jangkitan virus Zika. Menurut laporan WHO, bagi tuan rumah Sukan Olimpik Rio 2016 iaitu Brazil, terdapat sebanyak 1,581 kes *microcephaly* dan / atau penyakit saraf yang dikaitkan dengan penyakit Zika. Selain itu, terdapat juga beberapa kes *Guillain-Barre Syndrome* yang didiagnosis dan menunjukkan ujian positif bagi virus Zika.

Di Malaysia, survelan bagi mengesan jangkitan Zika masih terus dilaksanakan. Dari Jun 2015 hingga Jun 2016, sebanyak 502 sampel darah telah diuji oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan juga Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan setakat ini tiada sampel yang positif untuk virus Zika ini. Di samping itu, tiada pelawat yang dikesan dijangkiti virus Zika semasa saringan dilakukan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) negara ini.

III. ACARA SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK RIO 2016, BRAZIL SERTA JANGKITAN VIRUS ZIKA

Acara Sukan Olimpik 2016 akan berlangsung di Rio de Janeiro, Brazil dari 5 Ogos sehingga 20 Ogos 2016. Manakala acara Sukan Paralimpik pula dijadualkan akan berlangsung dari 7 September sehingga 18 September 2016. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan garis panduan bagi acara Sukan Olimpik ini iaitu sebelum, semasa dan selepas acara Sukan Olimpik untuk tindakan

kementerian dan agensi terlibat termasuk semua ahli kontinjen serta pegawai.

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk:

i. Mencegah ahli kontinjen dan pegawai yang menyertai acara Sukan Olimpik Rio 2016 daripada dijangkiti virus Zika
ii. Menghalang kemasukan jangkitan Zika ke Malaysia

IV. TINDAKAN PENCEGAHAN PENYAKIT ZIKA OLEH KEMENTERIAN / AGENSI DAN AHLI KONTINJEN SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS TAMAT SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK RIO 2016

A. SEBELUM BERTOLAK KE SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK RIO 2016

Kementerian Kesihatan Malaysia

1. Memberi taklimat berkenaan pencegahan jangkitan virus Zika kepada semua ahli kontinjen dan pegawai.
2. Menyediakan senarai semak harian untuk pemeriksaan kesihatan diri sendiri.
3. *Health Alert Card* akan diberikan sebelum ahli kontinjen dan pegawai berlepas.

Kementerian Belia dan Sukan / Institut Sukan Negara

1. Persediaan kelengkapan seperti repelen, baju cerah berlengan panjang, alat atau bahan pembunuh nyamuk dewasa, termometer dan kondom.
2. Kementerian Belia dan Sukan / Institut Sukan Negara memohon pihak berkuasa kesihatan Brazil membuat kawalan vektor

(semburan dan larvasiding) 1 atau 2 hari sebelum ketibaan ahli kontinjen dan pegawai.

3. Memastikan tiada ahli kontinjen dan pegawai yang sedang hamil atau merancang untuk hamil dalam masa terdekat, pergi menyertai acara Sukan Olimpik dan Paralimpik.
4. Ahli kontinjen dan pegawai mesti mengamalkan seks selamat dengan penggunaan kondom atau menghindari dari melakukan hubungan seks serta pengambilan pil perancang untuk kontinjen wanita mengikut garis panduan World Antidoping Agency (WADA).
5. Semua ahli kontinjen dan pegawai yang menyertai acara Sukan Olimpik dan Paralimpik Rio 2016 menerima suntikan vaksin yellow fever sekurang-kurangnya 10 hari sebelum berlepas.
6. Menyediakan senarai nama, nombor telefon untuk dihubungi dan alamat kediaman ahli kontinjen dan pegawai bagi tujuan kawalan serta pencegahan oleh pihak KKM.

B. SEMASA DI ACARA SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK RIO 2016

Kementerian Belia dan Sukan / Institut Sukan Negara

1. Memantau tahap kesihatan semua kontinjen dan pegawai serta melaporkan kes-kes yang disyaki mendapat jangkitan Zika kepada KKM.
2. Memaklumkan tarikh ahli kontinjen dan pegawai pulang ke Malaysia supaya pihak KKM dapat melakukan aktiviti kawalan dan pencegahan.

Semua kontinjen dan pegawai

1. Melakukan pemeriksaan kesihatan diri sendiri secara harian melalui senarai semak yang disediakan.
2. Jika terdapat mana-mana ahli kontinjen dan pegawai mengalami demam atau gejala lain, perlu segera memaklumkan Ketua Kontinjen Negara. Ahli kontinjen dan pegawai mesti dibuat pemeriksaan lanjut dan ujian pengesahan Zika, Denggi dan Chikungunya. Pihak ISN perlu melaporkan kepada KKM dengan kadar segera.
3. Sentiasa mengamalkan perlindungan diri daripada gigitan nyamuk seperti penggunaan repelen, memakai pakaian cerah menutup anggota, menggunakan aerosol di dalam bilik dan sentiasa memastikan pintu dan tingkap tertutup untuk mengelak nyamuk memasuki bilik atau memasang jaring nyamuk pada tingkap dan pintu.
4. Mengelak pergi ke tempat-tempat wabak Zika atau Denggi dan kawasan berisiko untuk pembiakan nyamuk bagi menghindari diri daripada gigitan nyamuk.
5. Mengelak keluar pada masa puncak nyamuk menggigit ketika waktu awal pagi dan senja.
6. Mengelak melakukan hubungan seks atau mengamalkan seks selamat seperti penggunaan kondom kerana penyakit Zika boleh disebarkan melalui hubungan seks.

C. SELEPAS TAMAT ACARA SUKAN OLIMPIK DAN PARALIMPIK RIO 2016

Kementerian Kesihatan Malaysia

1. Memberi *Health Alert Card* kepada semua kontinjen dan pegawai yang pulang dari Sukan Olimpik di Pintu Masuk Antarabangsa.
2. Melakukan aktiviti-aktiviti pencegahan di tempat tinggal ahli kontinjen dan pegawai dua hari sebelum mereka pulang ke Malaysia.
3. Melakukan aktiviti kawalan oleh Pejabat Kesihatan Daerah sekiranya ada kes Zika dilaporkan.

Kementerian Belia dan Sukan / Institut Sukan Negara

1. Memantau tahap kesihatan semua kontinjen dan pegawai serta melaporkan kes-kes yang disyaki mendapat jangkitan Zika kepada KKM.
2. Segera memaklumkan ke Bilik Gerakan (CPRC), KKM melalui talian hotline 03-88810 700 / 03-88810 200 jika ada kontinjen dan pegawai yang mengalami gejala-gejala Zika.

Semua kontinjen dan pegawai

1. Menggunakan senarai semak pemeriksaan kesihatan sendiri setiap hari sehingga 7 hari selepas pulang ke Malaysia.
2. Segera memaklumkan ke Bilik Gerakan (CPRC), KKM melalui talian hotline 03-88810 700 / 03-88810 200 jika mengalami gejala-gejala Zika.
3. Mendapatkan rawatan segera di klinik (ISN) atau hospital berhampiran.

4. Tidak melakukan hubungan seks jika pasangan hamil atau selepas 8 minggu jika pasangan tidak hamil atau menggunakan perlindungan seperti kondom.

Lampiran A

Carta alir pengurusan ahli kontinjen dan pegawai yang kembali dari menyertai Sukan Olimpik dan Paralimpik, Rio 2016



Lampiran B

Jadual 1: Senarai negara-negara yang dilaporkan berlaku jangkitan Virus Zika

Classification	WHO Regional Office	Country / territory / area	Total
Category 1: Countries with a first reported outbreak from 2015 onwards	**AFRO**	Cabo Verde, Guinea-Bissau	**2**
	AMRO/PAHO	Anguilla; Argentina; Aruba; Barbados; Belize; BONAIRE, SINT EUSTATIUS and SABA – Netherlands*; Bolivia (Plurinational State of); Brazil; Colombia; Costa Rica; Cuba; Curaçao; Dominica; Dominican Republic; Ecuador; El Salvador; French Guiana; Grenada; Guadeloupe; Guatemala; Guyana; Haiti; Honduras; Jamaica; Martinique; Mexico; Nicaragua; Panama; Paraguay; Peru; Puerto Rico; Saint Barthélemy; Saint Lucia; Saint Martin; Saint Vincent and the Grenadines; Sint Maarten; Suriname; Trinidad & Tobago; United States Virgin Islands; Venezuela (Bolivarian Republic of)	**40**
	WPRO	American Samoa; Fiji; Marshall Islands; Micronesia (Federated States of); Samoa; Tonga	**6**
Subtotal			48
Category 2: Countries with possible endemic transmission or evidence of local vector-borne Zika infections in 2016	**SEARO**	Indonesia; Thailand	**2**
	WPRO	Philippines; Viet Nam	**2**
Subtotal			4
Category 3: Countries with evidence of local vector-borne Zika infections in or before 2015, but without documentation of cases in 2016, or outbreak terminated	**AFRO**	Gabon	**1**
	PAHO/AMRO	ISLA DE PASCUA – Chile**	**1**
	SEARO	Bangladesh; Maldives	**2**
	WPRO	Cambodia; Cook Islands**; French Polynesia**; Lao People's Democratic Republic; Malaysia; New Caledonia; Papua New Guinea; Solomon Islands; Vanuatu	**9**
Subtotal			13
TOTAL			65

Sumber: WHO, Laporan situasi Zika bertarikh 7 Julai 2016

Lampiran C

Jadual 2: Senarai negara-negara yang melaporkan kejadian microcephaly dan Guillain-Barre Syndrome

Reporting country or territory	Number of microcephaly and /or CNS malformation cases suggestive of congenital infections or potentially associated with a Zika virus infection	Probable location of infection
Brazil	1638[8]	Brazil
Cabo Verde	6	Cabo Verde
Colombia	13[9]	Colombia
El Salvador	1	El Salvador
French Guiana	1	French Guiana
French Polynesia	8	French Polynesia
Marshall Islands	1	Marshall Islands
Martinique	6[10]	Martinique
Panama	5	Panama
Puerto Rico	1	Puerto Rico
Slovenia	1[11]	Brazil
Spain	2	Colombia, Venezuela (Bolivarian Republic of)
United States of America*	12[12]	Undetermined**

Classification	Country / territory / area
Reported increase in incidence of GBS cases, with at least one GBS case with confirmed Zika virus infection	Brazil, Colombia, Dominican Republic, El Salvador*, French Guiana, French Polynesia, Honduras, Jamaica, Martinique, Suriname, Venezuela (Bolivarian Republic of)
No increase in GBS incidence reported, but at least one GBS case with confirmed Zika virus infection	Guadeloupe[13], Haiti, Panama, Puerto Rico

* Sumber: WHO, Laporan situasi Zika bertarikh 7 Julai 2016

Contoh Health Alert Card

Hotline CPRC KKM:
03-88810 200 /
03-88810 700

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAD AMARAN KESIHATAN
KEPADA PELAWAT DAN ANAK KAPAL DARI
NEGARA DIJANGKITI VIRUS ZIKA

Simpan kad ini untuk tujuh (7) hari akan datang selepas kembali ke Malaysia. Pantau suhu badan untuk demam, ruam kulit *(exanthema)*, sakit otot atau sendi, kelesuan, sakit kepala dan konjunktivitis (mata merah). Sekiranya anda tidak sihat dan menghidap gejala tersebut, SEGERALAH pergi ke fasiliti kesihatan yang berhampiran untuk menjalankan pemeriksaan dan rawatan.

Kepada Pengamal Perubatan Yang Merawat Pesakit Ini

Individu yang membawa **KAD AMARAN KESIHATAN** ini telah membuat perjalanan atau kembali dari *negara yang terdapat jangkitan virus Zika (dalam 7 hari lalu). Jika individu ini mendapat demam (suhu badan yang lebih dari 37.5°C), ruam kulit *(exanthema)*, sakit otot atau sendi, kelesuan, sakit kepala dan konjunktivitis (mata merah), sila rawat pesakit ini selaras dengan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan Pemantauan dan Pengurusan Jangkitan Virus Zika.

***Senarai negara terlibat dengan jangkitan virus Zika :**
Barbados, Bolivia, Brazil, Colombia, Curacao, Costa Rica, Dominican Republic, Ecuador, El Salvador, French Guiana, Guadeloupe, Guatemala, Guyana, Haiti, Honduras, Jamaica, Martinique, Mexico, Nicaragua, Panama, Paraguay, Puerto Rico, Saint Martin, Suriname, United State Virgin Islands, Venezuela, Cape Verde, Maldives, Fiji, Tonga, Samoa, Solomon Islands dan Vanuatu.

(Nota: Senarai ini akan dikemaskini dari masa ke masa berdasarkan laporan oleh pihak WHO)

Tarikh dikeluarkan: *Nama Pintu Masuk:*

Hotline CPRC KKM:
03-88810 200/
03-88810 700

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

HEALTH ALERT CARD
FOR VISITORS AND CREW FROM THE
ZIKA VIRUS AFFECTED COUNTRIES

Keep this card for the next seven (7) days after arriving to Malaysia. Monitor your body temperature and look out for fever, skin rash (exanthema), muscle or joint pain, feeling weak, headache and conjunctivitis (red eye). If you are not feeling well and develop these symptoms, please IMMEDIATELY go to the nearest health facility for investigation and treatment.

Attention to the Attending Doctor

*The person presenting with this **HEALTH ALERT CARD** had recently travelled or returned from a * Zika Affected Country (within the past 7 days). If the person presents with fever (body temperature more than 37.5°C), skin rash (exanthema), muscle or joint pain, malaise, headache and conjunctivitis (red eye), please treat him/her according to the Ministry of Health Malaysia guidelines on Surveillance and Managemement of Zika Virus Infection.*

***List of countries affected by Zika virus :**
Barbados, Bolivia, Brazil, Colombia, Curacao, Costa Rica, Dominican Republic, Ecuador, El Salvador, French Guiana, Guadeloupe, Guatemala, Guyana, Haiti, Honduras, Jamaica, Martinique, Mexico, Nicaragua, Panama, Paraguay, Puerto Rico, Saint Martin, Suriname, United State Virgin Islands, Venezuela, Cape Verde, Maldives, Fiji, Tonga, Samoa, Solomon Islands and Vanuatu.

(Note : This list will be updated from time to time as per WHO report)

Date issued : *Name of Entry points :*

Lampiran E

Senarai semak pemeriksaan kesihatan diri sendiri

Nama : _____

Umur :_____

Jantina : _____

Status perkahwinan: _____

Alamat tempat tinggal Di Malaysia:_____

No. Telefon Bimbit:_____

Tarikh	Gejala dan tanda-tanda yang dialami					
	Demam	Sakit sendi & otot	Ruam	Sakit kepala	Kelesuan	Konjunktivitis

Sila tanda (√) pada kotak yang disediakan

*Sekiranya mengalami demam dengan satu atau lebih gejala-gejala yang dinyatakan sila pergi mendapatkan rawatan segera di Klinik ISN/ klinik yang berhampiran.

Lampiran F

SENARAI NOMBOR HOTLINE DAN PEGAWAI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA UNTUK DIHUBUNGI:

Hotline Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC), KKM
(Pegawai Petugas CPRC)
03 88810 200 / 03 88810 700

Dr Rose Nani Bt Mudin
(Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor)
03 8883 4275 / 019 256 3909
drrose@moh.gov.my

Dr Zailiza Bt Suli
(Ketua Penolong Pengarah Kanan)
03 8883 4260 / 019 274 5122
drzailiza@moh.gov.my

Dr Izwan Effendy Bin Zainudin
(Ketua Penolong Pengarah Kanan)
03 8883 4265 / 013 779 8897
jdrizwan@moh.gov.my

Dr Syed Sharizman Bin Syed Abdul Rahim
(Ketua Penolong Pengarah Kanan)
03 8883 4263 / 012 817 1981
dr.sharizman@moh.gov.my